

HAJI TASSIM BIN HAJI ABU BAKAR

Hubungan Kampong Ayer dengan Kota Batu: Pusat Perdagangan dan Petempatan Penduduk pada Zaman Tradisi Brunei

RESUME: Kerajaan Brunei merupakan sebuah empayar yang luas dan tertua di kepulauan Borneo. Pusat pemerintahan Kerajaan Brunei terletak di Bandar Brunei lama yang dikenali sebagai Kampong Ayer. Faktor mencari petempatan yang lebih strategik telah menjadi punca berlakunya perpindahan. Perpindahan pada peringkat awal lebih tertumpu di Teluk Brunei, kerana dilihat sebagai kawasan yang strategik dari segi pertahanan dan petempatan. Raja Brunei terdahulu lebih suka berpindah-pindah, sehingga menemui tempat yang lebih sesuai untuk dijadikan pusat pentadbiran dan perdagangan. Akhirnya, Kampong Ayer dan Kota Batu dijadikan petempatan bagi para pembesar Brunei yang telah membawa bersama pengikut-pengikutnya untuk menjadi pengawal peribadi mereka. Kertas kerja ini mahukan membincang hubungan antara Kampong Ayer dengan Kota Batu sebagai pusat pentadbiran pada zaman tradisi di Negeri Brunei. Di Kota Batu ini, umpamanya, telah dibina istana, masjid, dan pusat pendidikan yang bersesuaian dengan zaman tersebut bagi memudahkan interaksi Raja dengan rakyat dalam bentuk pentadbiran. Kota Batu pula merupakan Bandar Brunei lama dan sebagai petempatan yang terbesar, sebelum penghuni kawasan ini berpindah ke kawasan perairan Sungai Brunei, yang kemudiannya dikenali sebagai Kampong Ayer.

KATA KUNCI: Pusat pentadbiran, Kampong Ayer, Kota Batu, perdagangan, petempatan penduduk, zaman tradisi Brunei, dan Sultan Brunei.

ABSTRACT: This paper entitled "Relationship the Kampong Ayer with the Kota Batu: Center of Trade and Population Settlement in the Times of Brunei Tradition". Sultanate of Brunei is a vast empire and the oldest in the island of Borneo. The capital city of Brunei Sultanate government is located in the old Brunei city known as Kampong Ayer. Factor in searching the location more strategic has become the cause of displacement. Moving initially focused on Brunei Bay, as seen as a strategic area of defense and settlement terms. Kings of Brunei earlier are rather sedentary, so that finding the place more suitable as the administrative and commercial center. Finally, the locations of Kampong Ayer and Kota Batu are made settlement of the Royals of Brunei who have brought together their disciples to become personal bodyguards. This paper wants to discuss the relationship between Kampong Ayer and Kota Batu as the administrative center at the time of the Brunei tradition. In the Kota Batu, for example, has been built the palaces, mosques, and educational centers in accordance with the times in order to facilitate the interaction between the King with people in the form of administration. Kota Batu was also a long and old Brunei Town as the largest settlement, before the occupants moved into the waters area of the Brunei River, later known as Kampong Ayer.

KEY WORD: Central administration, Kampong Ayer, Kota Batu, trade, residential settlement, Brunei's traditional age, and the Sultan of Brunei.

PENDAHULUAN

Petempatan awal pembentukan Kerajaan Brunei (Jamil al-Sufri, 1971; Nicholl, 1983; Said, 1986; dan Asbol bin Haji Mail, 2011) berdasarkan *Syair Awang Semaun* (SAS), yang menyebutkan tentang 14 adik-beradik, yang hendak membuat petempatan baru atau negeri baru. SAS menyatakan tentang asal-usul Negeri Brunei yang diperintah oleh Awang Alak Betatar bersama dengan

adik-beradiknya. Awang Alak Betatar dan adik-beradiknya tinggal di tempat yang berasingan. Awang Alak Betatar diangkat menjadi penghulu dalam 14 adik-beradik. Awang Alak Betatar telah bertemu petempatan baru di Garang, terletak di daerah Temburong (Latif Haji Ibrahim, 1984:9).

Dinyatakan juga dalam *Syair Awang Semaun* (SAS), yang pembukaan Kerajaan

Brunei telah dilakukan oleh Awang Alak Betatar bersama saudara-saudaranya, atas nasihat pembesar-pembesar Negeri Garang. Kemudiannya, Awang Alak Betatar pun berpindah dari Negeri Garang dan masuk ke Negeri Brunei yang letaknya di kawasan perairan di Kota Batu. Pada awalnya, pusat pemerintahan terletak di Kota Batu. Kota Batu, dengan demikian, merupakan sebuah tempat pemerintahan dan pentadbiran Kerajaan Brunei dahulu.

BANDAR BRUNEI TRADISI: KAMPONG AYER

Bandar Brunei yang terletak di atas air, yang dikenali sebagai Kampong Ayer, merupakan pusat petempatan pentadbiran Sultan-sultan terdahulu. Dalam struktur pentadbiran pada zaman tradisi Brunei menunjukkan bahawa sistem monarki bersultan telah wujud di Brunei. Sultan menduduki tempat tertinggi dalam struktur pentadbiran tradisi Brunei. Dalam pentadbiran, Sultan bertanggungjawab untuk memilih para pembesarnya dan seterusnya memberikan gelaran kepada orang yang disukai Baginda, terutama di kalangan kerabat Diraja yang terdekat pada masa itu. Sistem monarki bersultan dikatakan lahir bersama konsep taat-setia yang tidak berbelah-bahagi kepada Sultan, iaitu dengan konsep "*Sultan tak boleh zalim dan rakyat tak boleh derhaka kepada Raja*" dalam konteks kehidupan masyarakat Brunei.

Kampong Ayer telah wujud 900 tahun yang lalu dalam sejarah Negara Brunei Darussalam dan merupakan pusat pentadbiran pada abad ke-14 Masihi. Menurut catatan dalam *State of Brunei: Development of Report 1956* dinyatakan bahawa "*Kampong Ayer has been there for at least 900 years. The people cannot, therefore, be uprooted and transplanted in a generation: the change will take time*" (SoB, 1956:48-49).

Ekonomi yang penting pada zaman pentadbiran tradisi Brunei adalah melalui perdagangan. Di kepulauan Borneo, Bandar Brunei (Kampong Ayer) telah menjadi pusat perlabuhan untuk persinggahan para pedagang dan laluan

bagi kapal-kapal perdagangan dari Barat dan Timur, seperti negeri China, negeri Arab, Sepanyol, Portugis, dan sebagainya. Jelasnya, Kampong Ayer selain menjadi pusat pentadbiran juga menjadi pusat perdagangan bagi Brunei.

Kewujudan Kampong Ayer pada zaman pemerintahan Awang Alak Betatar atau Sultan Muhammad Shah,¹ 1363-1402 Masihi, adalah terletak di tepi sungai yang berhadapan dengan Kota Batu. Kota Batu² ini merupakan tempat Sultan dan pembesar-pembesar Negara, dan Baginda mendirikan istana dan kediaman mereka. Di Kota Batu ini terletak makan Sultan Sharif Ali, iaitu Sultan Brunei yang ketiga, yang memerintah pada tahun 1425 hingga 1432 Masihi; dan juga makam Sultan Bolkiah yang kelima, yang pernah memerintah Brunei pada 1485 sehingga 1524 Masihi. Lihat gambar 1a dan 1b Makan Sultan Sharif Ali; dan gambar 2a dan 2b Makan Sultan Bolkiah.

Berkenaan dengan Kampong Ayer ini, Abdul Latif Haji Ibrahim membuat kenyataan seperti berikut: "*According to one legend, the first Kampong Ayer was supposed to be around the area in front of Kota Batu. The later was built during the 15th century at the crest of Brunei greatness*" (Haji Ibrahim, 1970).

Perpindahan dari Kota Batu ke Kampong Ayer ini bermula pada pertengahan abad ke-17 Masihi, semasa berlakunya perang saudara di antara Sultan Muhyiddin (1673-1690) dengan Sultan Abdul Mubin (Latif bin Haji Ibrahim, 1999:215-233; dan Halim, 2002:10). Peperangan ini telah mengakibatkan perpindahan penduduk dari Kota Batu ke Kampong Ayer sekarang. Perpindahan penduduk dari Kota Batu ke Kampong Ayer telah menjadikan Kampong Ayer menjadi pusat pemerintahan dan petempatan yang baru bagi rakyat Brunei.

Menurut *Syair Awang Semaun* (SAS), pembukaan Kerajaan Brunei telah dilakukan oleh Awang Alak Betatar bersama saudara-

¹Sultan Brunei yang pertama dan memeluk agama Islam.

²Kota Batu letaknya di kawasan Daerah Brunei dan Muara. Kawasan Kota Batu ini terletak lebih-kurang lima kilometer arah ke Timur dari Bandar Seri Begawan.

³Mereka ialah Awang Semaun di kawasan Kota Batu, Pateh Mambang dan Pateh Tuba di kawasan Luba, Pateh Sangkuna dan Pateh Manggurun di kawasan Saba, Pateh

saudaranya,³ atas nasihat pembesar-pembesar Negeri Garang. Kawasan Garang merupakan petempatan kerajaan Brunei lama sebelum berpindah ke Kota Batu. Awang Alak Betatar berpindah dan masuk ke Negeri Brunei, yang menurut cerita tradisi lisan, letaknya di kawasan perairan Kota Batu.

Mengenai penduduk kerajaan pada masa tradisi awal memperlihatkan terdapatnya perubahan jumlah penduduk Brunei sebelum 1906. Misalnya, jumlah penduduk Brunei di kerajaan pusat pada tahun 1839, seperti yang dicatatkan oleh Lay, adalah seramai 22,500 orang. Seterusnya, menurut St. John Spencer, pada 1862, beliau juga menganggarkan penduduk Brunei seramai 25,000 orang (dipetik oleh Treacher, 1889:26; dan Brown, 1970b:40). Sumber lain pula menyatakan bahawa pada tahun 1881, penduduk Bandar Brunei dianggarkan seramai 30,000 orang (Tate, 1988:86). Sementara itu, menurut Dalymple, pada tahun 1884, penduduk Brunei berjumlah kira-kira 15,000 orang (dipetik oleh Asbol bin Haji Mail, 2011).

Ternyata, jumlah penduduk Brunei yang jumlahnya tidak menentu adalah disebabkan pada ketika itu

Malakai di kawasan Bukit Panggal, Pateh Pahit di kawasan Labuhan Kapal, Damang (Damong) Sari di kawasan Bukit Salilah, Pateh Sindayung di kawasan Pancur Papan, Demang Lebar Daun, Hapu Awang, serta Pateh Berbai dan Pateh Laila Langgong. Lihat, lebih lanjut, Haji Abdul Latif Haji Ibrahim (1984:9).



Gambar 1a:
Kenyataan papan sebelum masuk ke Makan Sultan Sharif Ali
(Sumber: Kajian Lapangan, Julai 2013)



Gambar 1b:
Makan Sultan Sharif Ali yang terletak di Kota Batu, Brunei
(Sumber: Kajian Lapangan, Julai 2013)

tidak ada satu sistem pengiraan penduduk yang khusus, seperti sistem kiraan atau banci penduduk di Brunei sekarang. Disebabkan perkara tersebut, jumlah penduduk Brunei adalah sukar diketahui berapa jumlahnya yang sebenar.

KOTA BATU: PUSAT PENTADBIRAN DAN PERDAGANGAN BRUNEI

Pusat pentadbiran Brunei yang sudah bermula pada abad ke-6 hingga ke-15 Masihi terletak di kawasan Teluk Brunei; dan bermula abad ke-16 hingga ke-17 Masihi, pusat pentadbiran berpusat di Kota Batu,⁴ di Sungai Brunei. Bagaimana pun, semasa pemerintahan Sultan Abdul Hakkul Mubin (1661 Masihi), kawasan Kota Batu telah meluaskan kawasannya sehingga kawasan Karang Berbunga di seberang Sungai Kota Batu, di mana Sultan Abdul Hakkul Mubin membina istananya (Latif Haji Ibrahim, 1984:11).

Selain itu, semasa pemerintahan Sultan Muhammad Hassan, Kota Batu telah dilengkapi dengan dua istana berbentuk segi empat yang dilingkungi dengan dinding. Di kawasan Kota Batu telah dibina istana, masjid, dan pusat pendidikan yang bersesuaian dengan zaman tersebut bagi memudahkan interaksi Raja dengan rakyat dalam bentuk pentadbiran (Brown, 1970a:39).

Pembentukan pentadbiran di Kota Batu telah memberi ruang kepada penduduk di sekitarnya untuk membuat petempatan di sekelilingnya, terutama di sepanjang

⁴Nama "Kota Batu" masih lagi wujud yang letaknya di kawasan Mukim Kianggih, Daerah Brunei dan Muara. Di Kota Batu ini terletak makam Sultan Bolkiah yang kelima, yang pernah memerintah Brunei pada 1485 sehingga 1524 Masihi.



Gambar 2a:
Kenyataan papan sebelum masuk ke Makam Sultan Bolkiah
(Sumber: Kajian Lapangan, Julai 2013)



Gambar 2b:
Makam Sultan Bolkiah yang terlatak di Kota Batu, Brunei
(Sumber: Kajian Lapangan, Julai 2013)

perkisiran Sungai Brunei. Mereka membuka perkampungan baru di sepanjang Sungai Brunei, seperti kawasan Kampung Pudak, Kampung Baru-baru, Kampung Serdang, Kampung Sungai Lampai, dan Kota Batu sebagai ibu negeri yang dianggap sebagai petempatan yang terbesar sebelum penghuni kawasan ini berpindah ke kawasan perairan

cetek di sebelah hulu Sungai Brunei, yang dikenali sebagai Kampong Ayer.

Kota Batu berperanan sebagai ibu negeri Brunei pada kurun ke-14 hingga kurun ke-17 Masihi. Kota Batu merupakan pusat perdagangan yang penting di Asia Tenggara. Ia merupakan pusat perdagangan yang sering dikunjungi oleh pedagang-pedagang asing, termasuk pedagang-pedagang dari benua China. Selain itu, peniaga dari Pulau Borneo yang datang berniaga ke Kota Batu terdapat juga peniaga-peniaga dari Pahang, Terengganu, Kelantan, Siam, Kemboja, dan Jawa (Osman, Abdullah & Hakip, 2001:36). Kedatangan peniaga-peniaga tersebut telah makmurkan perdagangan di Brunei.

Kota Batu terbahagi kepada tiga kawasan, iaitu kawasan berbukit, kawasan landai, dan kawasan tebing sungai (*tidal flat*). Kawasan permukiman tertumpu kepada dua kawasan, iaitu kawasan landai dan kawasan tebing sungai; manakala kawasan berbukit tidak dihuni oleh penduduk. Kawasan landai di kawasan tengah lereng bukit yang bertingkat merupakan petempatan Raja dan ahli keluarganya, dan juga petempatan pembesar-pembesar negara. Manakala kawasan tebing sungai dikhususkan bagi permukiman orang awam dan yang juga berperanan sebagai pusat bandar (Omar, 1994:99; dan Haji Osman, 2001:40).

Kota Batu bukan sahaja menjadi pusat pentadbiran, malahan juga menjadi tumpuan para pedagang tempatan dan asing yang datang ke Brunei bagi menjalankan perdagangan. Kapal-kapal dagang asing datang ke Kota Batu bagi mendapatkan bahan-bahan tempatan, di samping untuk memasarkan bahan-bahan dagangan mereka di pasaran tempatan. Kota Batu telah menjadi pusat perdagangan dan penyebaran Islam yang gemilang pada abad ke-15 dan 16 Masihi, dimana ia terserlah setelah Melaka jatuh ke tangan Portugis pada tahun 1511 Masihi. Para pedagang yang berada di Melaka ketika itu telah mengalihkan tumpuan perdagangan ke Brunei. Keadaan ini telah menjadikan Kota Batu sebagai sebuah pelabuhan antarabangsa yang terdiri daripada pedagang berbagai kaum,

antaranya termasuklah China, Siam, Pattani, Jawa, Sumatera, Aceh, Maluku, Sulawesi, dan Mindanao, seperti yang tercatat dalam laporan Sepanyol pada tahun 1578 Masihi (dipetik oleh Saunders, 1994:46).

Menurut catatan Sepanyol pada abad ke-16 Masihi, kedudukan pusat pentadbiran Brunei pada ketika itu merujuk pada Kota Batu yang terletak di Sungai Brunei, yang telah didirikan oleh Sultan Syarif Ali, Sultan Brunei yang ketiga, sebagai pusat pentadbiran yang baru pada abad ke-15 Masihi (dipetik oleh Sweeney, 1968:11). Menurut tradisi lisan Brunei pula, Kota Batu adalah ibu negeri Brunei Tua dan penggalian-penggalian yang dilakukan di petempatan ini menemukan banyak bukti sejarah, termasuk tinggalan-tinggalan batu bersusun dipercayai bekas kota yang menyebabkan petempatan itu dinamakan Kota Batu.

Hasil dari penemuan arkeologi mendapati bahawa di petempatan Kota Batu ini telah ditemui tembikar yang merupakan bahan penting di Kota Batu.⁵ Tembikar-tembikar itu adalah jenis buatan tempatan (tembikar tanah liat) dan luar negeri. Tembikar jenis *porcelain* dan *stoneware* adalah buatan China, Siam, dan Indo-China. Sebahagian besar daripada tembikar yang ditemui bertarikh zaman Dinasti Sung, 960–1279 Masihi dan Dinasti Ming, 1368–1643 Masihi (Omar, 1994:88–89).

Menurut arkeologi Brunei (dalam Harrison, 1972:2), Kota Batu merupakan petempatan orang Melayu Brunei yang mengumpul barang-barang purba yang diimport oleh rakyat di Kota Batu. Di antara barang purba yang digali dan dijumpai di petempatan Kota Batu iaitu tembikar purba. Tembikar purba yang awal digali di Kota Batu bertarikh dari Dinasti Tang dan lima Dinasti Negeri China (kurun ke-7


⁵Selain petempatan Kota Batu, terdapat lagi sebuah petempatan yang baru dijumpai oleh Bahagian Arkeologi Brunei, berhubung dengan petempatan yang pernah dilalui oleh pedagang-pedagang tempatan yang dikenali Sungai Limau Manis. Sungai Limau Manis merupakan pangkalan perdagangan bagi penduduk tempatan, terutamanya pengalu yang berniaga menggunakan perahu ke hulu-hulu sungai antara penduduk Kampong Ayer dengan penduduk yang tinggal di sepanjang Sungai Limau Manis. Untuk lebih lanjut, lihat Pengiran Karim Pengiran Haji Osman (2004).

hingga ke-10 Masihi). Kemunculan bahan-bahan import daripada Disnati Ming (kurun ke-14 hingga ke 16-Masihi) apabila petempatan Kota Batu berada di zaman kegemilangannya di bawah pemerintahan Sultan Bolkiah dan pengganti-penggantinya.

Menurut catatan sejarah Brunei pula (dalam Harrisson, 1972:3), Kota Batu bermula dari tarikh Dinasti Tang, apabila satu perutusan dari Brunei mengunjungi istana negeri China di Changan dalam tahun 631 Masihi. Kota Batu telah menjadi kunjungan pedagang-pedagang dari negeri Arab, Parsi, India, dan China yang melawat dan juga lain-lain pelabuhan di Brunei dengan membuat pertukaran barang-barang, termasuk tembikar China (lihat peta 1).

Namun disebabkan oleh peperangan saudara, pencerobohan Sepanyol, dan huru-hara dalam peperangan Moro dengan Sepanyol telah menyebabkan merosotnya perdagangan di Brunei. Keadaan demikian telah memaksa rombongan Sepanyol menghancurkan petempatan Kota Batu dalam tahun 1644 Masehi.

Selain itu, petempatan Kota Batu yang menjadi pelabuhan mendatangkan hasil-hasil yang dieksport dari Brunei, datangnya dari wilayah-wilayah jajahannya. Di pelabuhan Kota Batu ini mempunyai peraturan yang dijalankan semasa memulakan perdagangan, iaitu pihak pedagang tempatan yang menjual barang-barang tidak boleh menjual terus kepada



Peta 1:
Hubungan Brunei dengan Dunia Luar pada Abad ke-6 hingga ke-13 Masihi
(Sumber: PSB, 2000)

kapal-kapal yang berlabuh di pelabuhan. Barang-barang yang baik dibeli dan diambil begitu sahaja oleh pegawai-pegawai pelabuhan dan memperolehi cukai yang banyak di pelabuhan, dan setelah selesai barulah dijual kepada orang ramai.

Hasil kajian arkeologi Brunei juga mendapati, dengan bukti-bukti tinggalan yang ditemui, bahawa petempatan Kota Batu merupakan ibu negeri Brunei untuk beberapa abad sehingga abad ke-18. Daripada tinggalan-tinggalan yang dijumpai dalam arkeologi Brunei, banyak terdapat

di kawasan tepi sungai dan bahagian tinggi di petempatan Kota Batu. Penemuan tinggalan-tinggalan di petempatan Kota Batu seperti struktur-struktur batu dan kayu, barang-barang perdagangan, alat-alat yang digunakan dalam perusahaan (ekonomi tradisi Brunei), dan lain-lain kegiatan seharian penduduk di petempatan Kota Batu.

Ini menunjukkan bahawa sungai merupakan perhubungan penting bagi aktiviti perdagangan di Kota Batu dan kepada Brunei sebagai kuasa maritim. Selain itu, dengan penemuan serpihan-serpihan tembikar jenis *stoneware*, *porcelain*, *celadon* dan *monochrome*, serta wang-wang siling luar negeri di petempatan Kota Batu (Omar, 1994:97-99) membuktikan bahawa Brunei pernah mempunyai hubungan perdagangan dengan tanah besar seperti China, Siam, dan Indo-China seawal-awal zaman Dinasti Tang sehingga ke zaman Dinasti Ming.

Selain menjadi pusat perdagangan, Kota Batu juga merupakan sebuah petempatan kediaman penduduk pada zaman tradisi Brunei. Perkara tersebut berdasarkan dari kajian arkeologi Brunei terhadap tinggalan-tinggalan seperti alat-alat kayu, karat-karat besi, dan acuan-acuan tanah liat dapat menjelaskan mengenai kegiatan atau pekerjaan seharian penduduk tempatan, terutamanya yang berkaitan dengan pertukangan dan kegiatan ekonomi tempatan. Penduduk di petempatan Kota Batu telah melakukan berbagai-bagai kegiatan ekonomi, seperti bertukang dan mengukir kayu, bertenun kain, memintal dan mencelup benang, serta bertukang besi, perak, dan tembaga. Sebahagian kegiatan itu dikuasai dengan baik oleh orang Brunei sehingga dapat menghasilkan pertukangan bermutu tinggi (Blair & Robertson eds., 1973:227; dan Omar, 1994:98-99).

KESIMPULAN

Pengajian ini menunjukkan bahawa kedudukan petempatan Bandar Brunei, iaitu Kota Batu, pada ketika itu merupakan petempatan yang strategik, sama ada sebagai sebuah petempatan kediaman

atau pelabuhan perdagangan yang banyak dikunjungi oleh pedagang-pedagang asing yang berniaga di petempatan Kota Batu. Kota Batu merupakan pusat politik dan ekonomi pada zaman tradisi Brunei antara abad ke-15 hingga ke-16 Masihi setelah bertapaknya Islam dengan kuatnya di Brunei.

Sultan Brunei telah menggunakan petempatan Kota Batu sebagai kesempatan untuk meluaskan perdagangan dengan dunia luar, dengan menjadikan Sungai Brunei sebagai sebuah pelabuhan perdagangan penting di barat laut Borneo pada abad ke-15 hingga akhir abad ke-17 Masihi. Ini juga bermakna bahawa Brunei pada ketika itu berjaya mewujudkan pusat perdagangan atau pelabuhan *entrepot* bagi negeri-negeri di Borneo dengan menarik lebih ramai penduduk peribumi Borneo menetap di Bandar Brunei, dan untuk mendapatkan peluang di bidang perdagangan di petempatan Kota Batu.

Bibliografi

- Asbol bin Haji Mail, Haji Awang. (2011). *Kesultanan Brunei Abad Kesembilan Belas: Politik dan Struktur Pentadbiran*. Bandar Seri Begawan: Dewan Bahasa dan Pustaka Brunei.
- Blair, E.H. & J.A. Robertson [eds]. (1973). *The Philippine Islands*, Vol. XXXIII. Manila: Chachos Hermanos Inc.
- Brown, Donald E. (1970a). "Bandar Brunei: The Capital City" dalam *Brunei: The Structure and History of a Bornean Malay Sultanate*. Bandar Seri Begawan: Brunei Muzium.
- Brown, Donald E. (1970b). "Brunei: The Structure and History of a Bornean Malay Sultanate" dalam *Brunei Museum Journal*, Vol.2. Bandar Seri Begawan: Brunei Museum.
- Haji Ibrahim, Abdul Latif. (1970). "Padian: Its Market and Women Vendors" dalam *The Brunei Museum Journal*, Vol.2, No.1.
- Haji Osman, Pengiran Karim Pg. (2001). "Hubungan Brunei Darussalam dan China Melalui Kesan Peninggalan Arkaeologi". *Kertas kerja* dibentang dalam Seminar Bersama Hubungan China-Brunei, diselenggarakan bersama Beijing Foreign Studies University dan Universiti Brunei Darussalam, pada tarikh 30-31 Ogos.
- Haji Osman, Pengiran Karim Pengiran. (2004). *Sungai Limau Manis: Tapak Arkeologi Abad ke 10 - 13 Masihi*. Bandar Seri Begawan: Jabatan Muzium Brunei.
- Halim, Yura. (2002). *Ririsej Brunei Darussalam*. Bandar Seri Begawan: Dewan Bahasa dan Pustaka Brunei.
- Harrison, Barbara. (1972). *Panduan Dewan Pameran 5 (Guide to the Gallery No.5)*: Penerbitan Khas,

- Bil.3. Bandar Seri Begawan: Muzium Brunei, Terjemahaan Abdul Latif Hj Ibrahim.
- Jamil al-Sufri, Mohd. (1971). *Chatatan Sejarah Pewira dan Pembesar Brunei*, Bil. 1. Bandar Seri Begawan: Dewan Bahasa dan Pustaka Brunei.
- Kajian Lapangan yang dilakukan oleh Penulis, pada bulan Julai 2013.
- Latif bin Haji Ibrahim, Abdul. (1999). "Peperangan di Brunei: Suatu Perspektif Sejarah dan Implikasinya" dalam *Masa Silam Sarana Masa Depan: Kumpulan Kertas Kerja Seminar Sejarah Brunei II*. Bandar Seri Begawan: Pusat Sejarah Brunei.
- Latif Haji Ibrahim, Haji Abdul. (1984). "Asal-Usul Kampong Ayer di Brunei: Satu Aspek Tuturan" dalam *Jurnal Beriga*, Bil.5 [Oktober-Disember]. Bandar Seri Begawan: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Nicholl, Robert. (1983). "Brunei Rediscovered: A Survival of Early Times" dalam *Journal of Southeast Asian Studies*, Vol.XIV, No.1.
- Omar, Haji Metussin. (1994). "Arkeologi sebagai Alat Menggali Sejarah Brunei Tua: Kes Kota Batu dan Kawasan Sekitarnya" dalam *Brunei di Tengah-tengah Nusantara*. Bandar Seri Begawan: Jabatan Pusat Sejarah Brunei.
- Osman, Sabihah, Muhammad Hadi Abdullah & Sabullah Hj Hakip. (2001). *Sejarah Brunei Menjelang Kemerdekaan*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- PSB [Pusat Sejarah Brunei]. (2000). *Latarbelakang Sejarah Brunei*. Bandar Seri Begawan: Pusat Sejarah Brunei.
- Said, Sanib. (1986). "Pembentukan Kerajaan Brunei Lama: Huraian Teori Penghijrahan". *Kertas kerja* dibentang dalam Seminar Antarabangsa: Bahasa, Kesusasteraan, dan Kebudayaan Melayu, di Universiti Brunei Darussalam, pada tarikh 3-8 Ogos.
- Saunders, G. (1994). *A History of Brunei*. Kuala Lumpur: Oxford University Press.
- SoB [State of Brunei]. (1956). *State of Brunei: Development of Report 1956*. Bandar Brunei: Dewan Bahasa dan Pustaka Brunei.
- Sweeney, P.L.A. (1968). "Silsilah Raja-raja Brunei" dalam *JMBRAS*, Vol.XLI, Pt.2.
- Tate, D.J.M. (1988). *Rajah Brooke's Borneo: The Nineteenth Century World of Pirates and Head-hunters, Orang Utan and Hornbills, and Other Such Rarities as Seen Through the Illustrated by London News and Other Contemporary Sources*. London, UK: Oxford University Press.
- Treacher, W.H. (1889). "British Borneo: Sketches of Brunei, Sarawak, Labuan, and North Borneo" dalam *Journal of the Straits of Branch of the Royal Asiatics Society*, Vol.XX, Pt.1.